



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/2/2012

Lebih 1,000 belia hadir

KUALA LUMPUR 24 Feb.- Lebih 1,000 belia membanjiri Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi mendengar sendiri buah fikiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai transformasi kepimpinan belia di negara ini.

Program Bicara Minda Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia (MBM) itu berjaya menghimpunkan pelbagai peringkat golongan belia terutama di dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor awam dan korporat.

Kementerian itu dalam kenyataan hari ini berkata, antara objektif utama program itu adalah memberi kefahaman terhadap konsep kepimpinan yang efisien dan berketerampilan dalam menghadapi arus perubahan perdana kepada golongan belia.

Selain itu ia juga membuka ruang perkongsian pengalaman dan penetapan hala tuju antara tokoh pemimpin negara dengan peserta.

"Ia juga bertujuan melahirkan kepimpinan belia yang dapat menjana pemikiran strategik, menongkah arus transformasi negara, cekap dalam pengurusan serta perancangan dan membuat keputusan di kalangan golongan itu," menurut kenyataan itu.